

## DISEDIAKAN OLEH

PIHAK PENGURUSAN JABATAN  
KECEMASAN DAN TRAUMA



HOSPITAL TUANKU FAUZIAH

JABATAN KECEMASAN DAN  
TRAUMA

Phone: -9738164  
Fax: 04-9782695  
E-mail: kecemasanhtf2017@gmail.com

PERUBAHAN OPERASI



MAKLUMAT  
PENGUBAHSUAIAN  
OPERASI

JABATAN KECEMASAN  
& TRAUMA

MASALAH ANDA KEUTAMAAN KAMI

● TEL: 049738164

## PENGENALAN

Penutupan beberapa ruang di jabatan ini bermula dari 18 Disember sehingga 18 Januari 2018. Ia berikutan kerja-kerja mengganti penebat sistem saluran penghawa dingin berpusat yang basah. Penggantian perlu dilaksanakan bagi mencegah kebocoran siling dan pertumbuhan kulat. Berikut ialah fasa-fasa berkaitan proses penggantian:

### FASA PERTAMA (18-24 Dis 2017)

Penutupan Ruang Menunggu dan Zon Hijau

Tempoh : seminggu

- Melibatkan Bahagian Pendaftaran (Triage Primer), - Triage Sekunder dan 4 Bilik Pemeriksaan Zon Hijau.
- Lobi Utama dijadikan Drop Zone
- Ruang lobi utama menjadi tempat menunggu.
- Pendaftaran dipindah ke Unit Kemasukan Pesakit yang lama.
- Triage Sekunder dijalankan di ruang hadapan kaunter tersebut.
- Air shelter dibuka di tempat letak ambulan bagi menangani kes bukan kritikal disyaki MERSCOV. Kes MERCOV separa kritikal & kritikal dirawat di Zon Merah.
- Bilik Asthma berpindah ke katil Y5 & Y6. Kes bukan kritikal lain dilihat di meja yang dialihkan ke dalam.
- Katil-katil Y7-11 beroperasi sebagai Zon Merah.

### FASA KEDUA (26 Dis-2 Jan 2018)

Penutupan Zon Kuning. Pembukaan semula Zon Hijau dan Ruang Menunggu.

Tempoh: seminggu

- Semua Zon Kuning melibatkan 12 katil ditutup. Ruang menunggu dibuka semula.
- Drop Zone, Kaunter Pendaftaran, Ruang Menunggu dan Bilik-bilik Pemeriksaan Kes Bukan Kritikal beroperasi semula.
- Laluan keluar masuk bilik pemeriksaan Zon Hijau melalui pintu depan sahaja.
- Kes separa kritikal dilihat di Ruang Pemeriksaan dan koridor.
- Kes Kritikal masih dirawat di Y7-Y11.

\*Ruang siling dibiarkan terbuka sepanjang proses pembaikan berlangsung untuk mengelak pemeluwapan.

\*Berkemungkinan terdapat gangguan bunyi ketika operasi dijalankan.

\*Sila rujuk gambarajah pelan lantai yang ditampal di Kaunter Pendaftaran baru di Unit Kemasukan Wad yang lama.

\*Berhati-hati ketika melalui laluan di mana siling dibuka kerana berkemungkinan terdapat serpihan fiber serta habuk yang jatuh.

### FASA KETIGA (4-11 Jan 2018)

Penutupan Zon Merah dan Ruang Pejabat. Pembukaan semula Zon Kuning

Tempoh: seminggu

- Drop Zone, Kaunter Pendaftaran, Ruang Menunggu dan Bilik-bilik Pemeriksaan --Kes Bukan Kritikal beroperasi seperti biasa.
- Zon Kuning dibuka semula
- Kes kritikal masih dirawat di katil Y7-Y11
- Laluan untuk kes bukan kritikal ke Bilik - Pemeriksaan Zon Hijau beroperasi seperti biasa.

### FASA KEEMPAT (12-18 Jan 2018)

Pemeriksaan Bilik Prosedur, Bilik Utiliti dan Ruang Pejabat

Tempoh: seminggu

- Prosedur dilakukan di katil pesakit.
- Melibatkan mereka yang ingin berurusan dengan pegawai di jabatan ini.

\*Pihak kami memohon maaf di atas segala kesulitan Dato/Datin/ Tuan/Puan.

\*Kesabaran Dato/Datin/Tuan/Puan amatlah dihargai..

SEKIAN TERIMA KASIH